

MAHATHIR-GERAKBAKTI

1984

KUALA LUMPUR, 1 MEI (BERNAMA) -- KEMISKINAN DAN PENGGANGURAN DI NEGARAINI DAPAT DIKURANGKAN ATAU DIBASMISAMA SEKALIJIKA PENDUDUK SENDIRI SANGGUP MENGGUNAKAN SEGALA KEBOLEHAN DAN PELUANG YANG ADA TANPA BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN; TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT KEMISKINAN MASIH TERDAPAT DI KALANGAN PENDUDUK KERANA MEREKA TIDAK BERSEEDIA MENYAHUT CABARAN SEHINGGAKAN NEGARA TERPAKSA MENJEMPUT ORANG-ORANG ASING UNTUK BEKERJA DI SINI.

+KITA SENDIRI TIDAK SANGGUP MENJALANKAN TUGAS DAN KITA LEBIH SUKA ORANG LAIN MENERJAKANNYA. SIKAP BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN INI KELAK SIKIT DEMI SEDIKIT AKAN MENGURANGKAN KEBEBASAN KITA;+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEMASA MELANCARKAN YAYASAN GERAKBAKTI PEMUDA YANG DIPELOPORI OLEH PEMUDA UMNO BERTUJUAN MEWUJUDKAN SATU DANA, BAGI DIJADIKAN SUMBER KEWANGAN TETAP UNTUK MEMBIAYAI RANCANGAN PEMBASMIAN KEMISKINAN UNTUK SEMUA PENDUDUK MISKIN TANPA MENGIKIRKA KAUM.

YAYASAN ITU YANG DILANCARKAN DI DEWAN TUNKU CHANSELOK, UNIVERSITI MALAYA BERJAYA MENGUMPULKAN 85.2 JUTA HARI INI TERMASUK \$1 JUTA DARI PROMET, \$1 JUTA DARI KOMPELKS KEWANGAN MALAYSIA DAN \$560,000 DARI KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI. -- LAGI 1940/MB  
MAHATHIR-GERAKBAKTI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYAMPAIKAN CEK BERNILAI \$500,000 BAGI PIHAK KERAJAAN, FERSEKUTUAN MANAKALA KETUA MENTERI SABAH, DATUK HARRIS SALLEH MENDERMAKAN \$500,000 BAGI PIHAK PARTI BERJAYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MAHU RAKYAT MENYOAL DIRI SENDIRI APAKAH PERANAN POSITIF YANG BOLEH DIMAINKAN UNTUK MENJADIKAN MEREKA MASYARAKAT YANG BERJAYA DAN BAHAGIA.

+KITA PERLU MENANYAKAN DIRI SENDIRI MENGAPA KEMISKINAN MASIH TERDAPAT SEDANGKAN KITA MEMPUYAI KUASA POLITIK, KERAJAAN MEMBELANJAKAN BERIRU-RIBU RINGGIT UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DAN NEGARA MEMPUYAI BERBAGAI SUMBER ALAM YANG BOLEH DITEROKAI.+

+JIKA KITA BENAR-BENAR IKHLAS DAN JUJUR, JAWAPANNYA YANG MENJADI PENGHALANG IALAH DIRI KITA SENDIRI. JIKA KITA SANGGUP MENGUBAH CARA HIDUP KITA, MAKA KITA TIDAK HARUS DIGANGGU OLEH KEMISKINAN;+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MASALAH TIDAK MAHU MENGHADAPI CABARAN INI TELAH MENJADI SEJARAH NEGARA INI DAN KEHENDAK UNTUK MEMAJUKAN DIRI SENDIRI TERLETAK SEPENUHNYA DI BAHU MEREKA KERANA +TIDAK ADA UNDANG-UNDANG YANG MENGHALANG UNTUH MENGATASI KEMISKINAN KECUALI KITA SENDIRI.+ -- LAGI 1947/MB

MAHATHIR-GERAKBAKTI 3 KUALA LUMPUR

+KITASEKARANG HIDUP SEOLAH-OLAH DALAM KHAYALAN DAN TIDAK BERPIJAK  
DIBUMINYATA, KITA CUMA TERKENANG-KENANG DAN BERHARAP DENGAN  
MENYEBUT KATA-KATA SAKTI, KEMISKINAN AKAN HILANG BEGITU SAHAJA .+

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA AKIBAT SIKAP INI PARA PEKERJA  
PENDATANG BERJAYA MENDAPAT GAJI YANG LEBIH DAN MENGAUT KEUNTUNGAN  
DARI NEGARA INI.

+INI MENYEBABKAN KITA IRI HATI KEPADA MEREKA SEHINGGA ADA YANG  
MENGATAKAN NEGARA INI, DENGAN MENGGALAKKAN ORANG-ORANG ASING DATANG  
BEKERJA DISINI SEPERTI AYAM DI KEPUK MATI KELAPARAN JAN ITI KDI AL'R  
MATI KEHAUSAN.

+YANG SEBENARNYA JIKA AYAM YANG DI KELILINGI OLEH MAKANAN DAN  
ITI KDI KELILINGI OLEH AIR TIDAK MAHU MAKAN DAN MINUM, SIAPA YANG  
BERSALAH. +

BELIAU JUGA BERHARAP PENDUDUK MISKIN TIDAK CUMA MENGHARAPKAN  
BANTUAN MENERUSI DERMA TETAPI MEREKA PERLU MENDAPATKAN KEPAKARAN,  
KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN DARP SEGIMEMBAIKI HIDUP SENDIRI.

BELIAU BERPENDAPAT JIKA TERUS SAHAJA MENDERMA, SAMPAI BILA-BILAPUN  
MEREKA AKAN TERUS MISKIN TETAPI JIKA DIBERI DORONGAN UNTUK  
MENCARI USAHA SENDIRI, KEMISKINAN DAPAT DIATASI. -- BERNAMA